

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS  
[ JELEBU ]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [ JELEBU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah sukarelawan yang dilantik secara kontrak untuk membantu Kementerian Kesihatan Malaysia untuk dalam mendepani pandemik COVID-19 ketika ini, dan adakah mereka ini mempunyai peluang diserap masuk sebagai kakitangan tetap.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sehingga 30 November 2020, Kerajaan telah meluluskan pelantikan secara kontrak seramai 4,739 petugas kesihatan dengan kos sebanyak RM163.8 juta yang ditampung menggunakan peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN serta Kumpulan Wang COVID-19. Secara terperinci lantikan yang dibuat adalah seperti berikut:

- (a) pelantikan seramai 2,376 petugas kesihatan bagi skim Jururawat, Jururawat Pesara, Penolong Pegawai Perubatan, Juruteknologi Makmal Perubatan dan Pegawai Sains telah dilaksanakan pada April 2020;
- (b) pelantikan seramai 1,634 petugas kesihatan bagi skim Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Juruteknologi

## SOALAN NO : 13

Makmal Perubatan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran telah dilaksanakan pada Oktober 2020;

- (c) seramai 485 petugas kesihatan lagi sedang diuruskan pelantikannya yang meliputi skim Juruteknologi Makmal Perubatan, Pegawai Sains dan Juru X-Ray; dan
- (d) selain itu, KKM juga membeli perkhidmatan (contract for services) daripada sejumlah 44 Pengamal Perubatan Swasta yang dilaksanakan untuk tempoh 3 bulan dan 200 Pegawai Psikologi (Kaunseling) yang dilaksanakan untuk tempoh 6 bulan.

2. Kerajaan turut bersetuju meluluskan penyambungan kontrak secara *one-off* enam (6) bulan lagi bagi sejumlah 2,070 Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi dengan kos sebanyak RM81 juta yang ditanggung menerusi peruntukan Kumpulan Wang COVID-19.

3. KKM sentiasa menghargai jasa dan khidmat petugas kesihatan yang dilantik secara kontrak. KKM tertakluk kepada kekosongan dan pewujudan jawatan tetap dari masa ke semasa bersedia memperakukan pegawai lantikan kontrak yang memenuhi syarat dan kriteria ditetapkan kepada Pihak Berkuasa Melantik untuk dilantik secara tetap.

Sekian, terima kasih.